

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]
- SOALAN** : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk memajukan sektor agropelancongan yang melibatkan para nelayan dalam usaha untuk membantu meningkatkan pendapatan nelayan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam memajukan sektor agropelancongan di Malaysia, Kementerian ini melalui Bahagian Pembangunan Industri dan Ekonomi Bumiputera menyediakan kemudahan peruntukan bagi menaiktaraf Pusat Agropelancongan MOA dan swasta. Peruntukan tahunan yang diterima bagi tahun 2016 berjumlah RM4 Juta telah diagihkan kepada empat (4) jabatan/agensi merangkumi 12 Pusat Agropelancongan MOA dan swasta seperti berikut:

Bil.	Jabatan/ Agensi	Pusat Agropelancongan
1.	Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)	<ul style="list-style-type: none"> i. Projek Naiktaraf Taman Pertanian Kilan, Labuan; ii. Projek Naiktaraf Taman Hortikultur, Serdang
2.	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	<ul style="list-style-type: none"> i. Projek Naiktaraf PPNJ Agropark; ii. Projek Naiktaraf Pusat Agropelancongan Laguna Agro Setiu; iii. Projek Naiktaraf Pusat Agropelancongan PPK Merbok;

3.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	<ul style="list-style-type: none"> i. Projek Naiktaraf Taman Agro Teknologi MARDI Cameron Highland; ii. Projek Naiktaraf Taman Agro Teknologi MARDI Cherating; iii. Projek Naiktaraf Pusat Agropelancongan Durio-Tourism MARDI Kuala Kangsar
4.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	<ul style="list-style-type: none"> i. Projek Naiktaraf Homestay MADA Kampung Pantai Jamai; ii. Projek Naiktaraf Ladang Nipah Ismail Che Kar; iii. Projek Naiktaraf Ladang Nipah Kipli; dan iv. Projek Naiktaraf Ladang Mempelam Tobiar.

Di bawah naungan MOA, terdapat sebanyak 90 buah Pusat Agropelancongan yang menawarkan pelbagai pakej dan kemudahan mengikut keperluan dan kehendak pengunjung.

Selain daripada projek naiktaraf Pusat Agropelancongan ini, Kementerian turut menyediakan khidmat nasihat serta latihan agropelancongan kepada pengusaha Pusat Agropelancongan MOA dan swasta dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Kelab Usahawan Asas Tani (KUAT).

Bagi mempromosikan Pusat-Pusat Agropelancongan sekaligus memajukan lagi sektor Agropelancongan di Malaysia, Kementerian ini turut menjalankan aktiviti promosi. Program promosi terbesar dilaksanakan melalui penganjuran *Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism International Show (MAHA)* yang pada tahun ini akan diadakan pada 26 November 2016 sehingga 4 Disember 2016. Untuk tahun 2016, lebih 3.5 juta pengunjung dijangka akan hadir.